



KERJA SOSIAL: Seramai 22 pelajar Program Kerja Sosial UMS laksana program di Kampung Tinusa Sandakan.

22 pelajar UMS laksana program komuniti di Kg Tinusa

UB 25.01.2023 P.08

SANDAKAN: Seramai 22 pelajar Program Kerja Sosial daripada Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya melaksanakan Program Komuniti Siri 2/2023 di Kampung Tinusa 2, Batu 7 Sandakan selama tiga hari baru-baru ini.

Program itu menjadi medium untuk mendekatkan mahasiswa dengan komuniti setempat, kata Ketua Program Kerja Sosial, Fakulti

Psikologi dan Pendidikan UMS, Dr Wanda Kiyah Anak George Albert.

Dalam ilmu kerja sosial, kerja komuniti seperti dilaksanakan di Kampung Tinusa 2 ini adalah bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar untuk memahami dan bekerjasama dengan komuniti, katanya.

Selain itu, ia bertujuan untuk membantu komuniti tempatan mengenal pasti,

merancang dan membuat tindakan untuk memenuhi keperluan mereka dengan mendedahkan mereka dengan bantuan sumber-sumber dan perkhidmatan yang terdapat di dalam komuniti mereka.

Sementara itu, Ketua Kampung Tinusa 2, Norsidy Lumby berkata program komuniti itu berjaya menggerakkan silaturahim antara komuniti Tinusa 2 dengan mahasiswa yang terlibat.